

PEMAKLUMAN PERUBAHAN PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN MULAI TAHUN TAKSIRAN 2023

Assalamualaikum/ Salam Sejahtera,
YBhg. Datuk/ Dato'/ Dr/ Tuan/ Puan,

TAJUK	PEMAKLUMAN PERUBAHAN PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN MULAI TAHUN TAKSIRAN 2023
RUJUKAN DOKUMEN	Emel BPTM bertarikh 4 Julai 2023
TARIKH KUATKUASA	1 Jun 2023

Dengan hormatnya merujuk kepada emel BPOPP [BPOPP/SPO \(Emel\)/2023 \(198\)](#) pada 4 Julai 2023 berhubung dengan perkara di atas.

2. Berdasarkan kepada pembentangan bajet 2023 yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, terdapat perubahan dalam pengiraan kadar cukai pendapatan individu mulai tahun taksiran 2023 seperti jadual di **Lampiran A**.
3. Sehubungan dengan itu, pengiraan kadar potongan cukai bulanan (PCB) pegawai juga akan berubah seiring dengan perubahan kadar cukai baharu seperti di atas.
4. Untuk makluman, penggunaan kadar cukai baharu ke atas pengiraan PCB adalah berkuatkuasa mulai 1 Jun 2023 selari dengan Akta Kewangan 2023 yang telah diwartakan pada 31 Mei 2023.
5. Walaubagaimanapun, pelaksanaan kadar PCB baharu bagi penjawat awam persekutuan yang terlibat adalah mulai gaji **Julai 2023**. Ini adalah kerana perubahan ini dikeluarkan oleh pihak SAP pada 15 Jun 2023 iaitu selepas larian gaji Jun 2023.

Sekian, terima kasih.

Unit Gaji
JANM Negeri Selangor

LAMPIRAN A

PEMAKLUMAN PERUBAHAN PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN MULAI TAHUN
TAKSIRAN 2023

Pendapatan Bercukai (RM)	Semasa		Cadangan			
	Kadar Cukai (%)	Cukai Dibayar (RM)	Kadar Cukai (%)	Cukai Dibayar (RM)	(Penjimatan)/ Tambahan Cukai	
					(RM)	(%)
0 - 5,000	0	0	0	0		
		0		0	**	**
5,001 - 20,000	1	150	1	150		
		150		150	**	**
20,001 - 35,000	3	450	3	450		
		600		600	**	**
35,001 - 50,000	8	1,200	6	900		
		1,800		1,500	(300)	-16.7
50,001 - 70,000	13	2,600	11	2,200		
		4,400		3,700	(700)	-15.9
70,001 - 100,000	21	6,300	19	5,700		
		10,700		9,400	(1,300)	-12.1
100,001 - 250,000	24	36,000	25	37,500		
		46,700		46,900	200	0.4
250,001 - 400,000	24.5	36,750	25	37,500		
		83,450		84,400	950	1.1
400,001 - 600,000	25	50,000	26	52,000		
		133,450		136,400	2,950	2.2
600,001 - 1,000,000	26	104,000	28	112,000		
		237,450		248,400	10,950	4.6
1,000,001 - 2,000,000	28	280,000	28	280,000		
		517,450		528,400	10,950	2.1
Melebihi 2,000,000	30		30			

Nota: ** tidak berkenaan